

EKONOMI

Ketidakpadanan kerjaya graduan



Oleh **PROF. MADYA. DR. MOHD. YUSOF SAARI**

UMUM mengetahui kesukaran yang dihadapi oleh pihak Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dalam mengutip pinjaman pendidikan tinggi. Dewan Rakyat dimaklumkan bahawa PTPTN hanya berjaya mengutip RM13.86 bilion atau 68.6 peratus (%) daripada 1.5 juta peminjam.

Adakah kemelut yang berpanjangan ini disebabkan oleh sikap graduan itu sendiri atau kepincangan pasaran buruh yang menyumbang kepada keupayaan pembayaran balik PTPTN?

Analisis mendapati kemelut pembayaran balik PTPTN ini sebahagiannya disumbang oleh fenomena ketidakpadanan pekerjaan iaitu perbezaan di antara kelayakan akademik peminjam dan pekerjaan yang dimiliki. Ketidakpadanan wujud disebabkan oleh jurang penawaran graduan oleh institusi pendidikan tinggi dan permintaan oleh industri di pasaran buruh.

Analisis daripada perangkaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia berikut amat jelas menunjukkan wujudnya fenomena ketidakpadanan pekerjaan yang meruncing.

- Perangkaan daripada Penyiasatan Tenaga Buruh tahun 2014 menunjukkan sebanyak 24% daripada pekerja di bawah kategori Perkeranian dan Sokongan memiliki diploma dan ijazah. Sebanyak 13% daripada mereka ini adalah golongan belia berumur di antara 20-29 tahun.

- Dalam tempoh 2001-2016, sebanyak dua juta pekerja yang memiliki diploma dan ijazah memasuki pasaran pekerjaan. Hanya 73.6% yang mendapat pekerjaan yang bersesuaian dengan kelayakan akademik mereka.

- Pada tahun 2016, sebanyak 3.2 juta graduan memasuki pasaran pekerjaan tetapi 20.7% daripadanya didapati bekerja dalam kategori pekerjaan bukan mahir iaitu separa mahir dan



PADA tahun 2016, sebanyak 3.2 juta graduan memasuki pasaran pekerjaan tetapi 20.7 peratus daripadanya didapati bekerja dalam kategori pekerjaan bukan mahir iaitu separa mahir dan tidak mahir. – Gambar hiasan

tidak mahir.

- Kadar ketidakpadanan pekerjaan dalam kalangan graduan telah meningkat daripada 12.3% pada tahun 2001 kepada 20.7% (2016).

Isu ketidakpadanan pekerjaan ini perlu dipandang serius kerana kajian mendapati ia mempengaruhi persekitaran ekonomi seperti ketidakseimbangan pendapatan, produktiviti dan kos sara hidup.

Kedudukan kewangan

Dalam konteks PTPTN, ketidakpadanan pekerjaan ini sudah pasti mempengaruhi kedudukan kewangan semasa peminjam dan seterusnya memberi kesan kepada keupayaan bayaran balik.

Analisis ke atas data Tinjauan Pendapatan Isi Rumah (HIS) 2014 menunjukkan sebahagian daripada graduan masih mendapat pendapatan yang rendah. Antara dapatan daripada analisis itu adalah:

- Terdapat 2.3% daripada ketua isi rumah berpendapatan bulanan di bawah RM2,000 adalah pemegang diploma dan ijazah. Daripada jumlah tersebut, 49.2% adalah berumur di antara 20-29 tahun.

- Bagi pendapatan bulanan RM2,001-RM5,000, ketua isi rumah yang memiliki diploma dan ijazah adalah sebanyak 10.5%.

Daripada jumlah tersebut, 30.6% adalah mereka yang berumur di antara 20-29 tahun.

Perangkaan HIS 2014 ini memberi gambaran kasar kedudukan semasa ekonomi isi rumah Malaysia yang memiliki diploma dan ijazah.

Harus diingat bahawa perangkaan itu mewakili pendapatan isi rumah yang mengambil kira keseluruhan pendapatan ahli keluarga. Ini belum lagi diambil kira jumlah tanggungan bagi setiap isi rumah.

Kajian mendapati jurang di antara penawaran dan permintaan buruh wujud akibat daripada dua faktor utama.

Pertama, penawaran graduan oleh institusi pengajian tinggi bertumbuh lebih tinggi berbanding dengan permintaan sebenar oleh industri.

Kedua, pertumbuhan ekonomi banyak mencipta peluang pekerjaan separa mahir menyebabkan sebahagian graduan perlu bekerja dalam bidang pekerjaan yang berkemahiran lebih rendah.

● **PENULIS** merupakan pensyarah di Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Pertanian Malaysia (UPM) dan juga Ketua Laboratori Kaedah Kuantitatif Analisis Dasar, Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan, UPM.
E-mel: mysaari@gmail.com/
yusofsaari_upm@upm.edu.my